

PERJUMPAAN MENUBUHKAN PERSEKUTUAN CINA ISLAM SE-MALAYA

Suatu perjumpaan kaum Cina Islam se-Malaya kerana menubuhkan persatuannya diadakan di rumah Jam'iyah pada 20 haribulan yang lalu dengan lebih dahulu diadakan suatu jamuan teh kerananya. Inilah pertama kali pertubuhan itu diadakan dengan bertujuan akan berusaha meluaskan lagi dakyah-dakyah Islam di Malaya. Cogankata-cogankata bahasa Cina yang bertulis "Di Dalam Dunia Ini Islamlah Yang Nombor Satu" ada digantung di sana. Di bawah ini ialah gambar-gambar sebahagian daripada orang-orang yang mengambil bahagian di dalam mesyuarat itu.

